

***Deposit Alliance Bank  
Malaysia Berhad  
(Pelanggan Individu)  
Terma dan Syarat***

*Terpakai bagi Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa/Akaun AllianceSave/Akaun Alliance SavePlus/Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite/Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan/Akaun Alliance My eSaving/Alliance Buddy™/Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan/Akaun Alliance Senior Savers/Akaun Deposit Tetap/Akaun Alliance FDGold.*

#### **Undang-undang Terpakai**

Semua Akaun Semasa dan Simpanan dikawal oleh undang-undang Malaysia yang terpakai oleh Terma dan Syarat Alliance Bank Malaysia Berhad (“Bank”) dan amalan perbankan berkuat kuasa pada tarikh pembukaan akaun atau sebagaimana yang dipinda, dibuat, atau diterima pakai selepas itu. Sebarang perubahan terhadap Terma dan Syarat ini akan berkuat kuasa apabila dimaklumkan kepada pendeposit melalui iklan atau paparan notis di lobi Bank atau melalui cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.

#### **1. Pembukaan Akaun**

##### **1.1 Jenis Akaun Semasa:**

###### **1.1.1 Akaun Semasa**

- a) Akaun Semasa tersedia untuk individu (warganegara Malaysia, pemastautin tetap, dan warga asing) yang telah mencapai umur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan waras akal fikiran layak untuk membuka akaun atas nama peribadi.
- b) Untuk membuka Akaun Semasa, anda dikehendaki mendepositkan jumlah minimum tidak kurang daripada RM500.00 atau suatu amaun yang dinasihatkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- c) Sekiranya nama anda tersiar dalam Rujukan Maklumat Cek Tidak Laku Bank (“Rujukan HDC”), Bank berhak untuk menutup akaun anda mengikut dasar Bank.

###### **1.1.2 Akaun Semasa Asas**

- a) Akaun Semasa Asas yang boleh didapati untuk individu (warganegara Malaysia dan pemastautin tetap) berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas boleh dikendalikan secara individu atau bersama.  
Untuk membuka Akaun Semasa Asas, anda dikehendaki mendepositkan sebanyak RM500.00.
- b) Sekiranya nama anda tersiar dalam Rujukan HDC, Bank berhak untuk menutup akaun anda mengikut dasar Bank.

###### **1.1.3 Akaun AllianceSave**

- a) Individu (warganegara Malaysia, pemastautin tetap, dan warga asing) yang telah mencapai umur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan waras akal fikiran layak untuk membuka sama ada suatu Akaun Peribadi atau Akaun Bersama AllianceSave.
- b) Untuk membuka Akaun AllianceSave, anda dikehendaki mendepositkan jumlah minimum sebanyak RM1,000.00 atau suatu amaun seperti yang dinasihatkan dari semasa ke semasa oleh Bank.
- c) Sekiranya nama anda tersiar dalam Rujukan HDC, Bank berhak untuk menutup akaun anda mengikut dasar Bank.

###### **1.1.4 Akaun Alliance SavePlus**

- a) Hanya individu (warganegara Malaysia, pemastautin tetap, dan warga asing) yang telah mencapai umur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan waras akal fikiran layak untuk membuka sama ada suatu Akaun Peribadi atau Akaun Bersama AllianceSave.
- b) Pencadang tidak diperlukan apabila membuka Akaun Alliance SavePlus. Akaun Semasa dan/atau Simpanan sedia ada dan tambahan boleh dikekalkan dan dibuka beserta dengan Akaun Alliance SavePlus.
- c) Untuk membuka Akaun Alliance SavePlus, anda dikehendaki mendepositkan jumlah minimum sebanyak RM1,000.00 atau suatu amaun yang dinasihatkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Baki minimum yang akan dikekalkan dalam Akaun Alliance SavePlus adalah sebanyak RM20.00 atau apa-apa baki minimum lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- d) Sekiranya nama anda tersiar dalam Rujukan HDC, Bank berhak untuk menutup akaun

anda mengikut dasar Bank.

**1.1.5 Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite**

- a) Hanya individu (warganegara Malaysia, pemastautin tetap, dan warga asing) yang telah mencapai umur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan waras akal fikiran layak untuk membuka sama ada suatu Akaun Peribadi atau Akaun Bersama Alliance Hybrid/Alliance Elite.
- b) Untuk membuka Akaun Alliance Hybrid/Alliance Elite, anda dikehendaki mendepositkan jumlah minimum sebanyak RM250.00 bagi Akaun Alliance Hybrid tanpa kemudahan buku cek atau RM1,000.00 bagi Akaun Alliance Hybrid/Alliance Elite dengan kemudahan buku cek atau suatu amaun seperti yang dinasihatkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- c) Bagi Akaun Alliance Hybrid /Alliance Elite dengan kemudahan buku cek, sekiranya nama anda tersiar di dalam Rujukan HDC, Bank berhak untuk menutup akaun anda mengikut dasar Bank.

**1.1.6 Bagi Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa/Akaun AllianceSave/ Akaun Alliance SavePlus/Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite**

- a) Selepas pembukaan akaun di atas, Bank diberikan kuasa untuk melunaskan dan memenuhi semua cek, nota janji hutang, dan nota lain yang dikeluarkan dan semua bil yang diterima bagi pihak pemegang (pemegang-pemegang) akaun, untuk mematuhi semua arahan yang diberikan untuk atau berkenaan dengan mana-mana akaun atau akaun-akaun dalam apa jua bentuk sekalipun bagi pihak pemegang (pemegang-pemegang) akaun dan untuk menerima dan bertindak terhadap semua resit bagi wang yang didepositkan dengan Bank pada mana-mana akaun atau akaun-akaun atas nama pemegang (pemegang-pemegang) akaun dengan syarat cek, nota janji hutang, pesanan, bil, arahan, atau resit tersebut ditandatangani oleh pemegang (pemegang-pemegang) akaun, rakan kongsi, pengarah atau oleh penandatangan (penandatanganan-penandatanganan) yang dibenarkan sama ada akaun dalam bentuk kredit atau debit.

**1.2 Jenis Akaun Simpanan:**

**1.2.1 Akaun Simpanan Asas**

- a) Akaun Simpanan Asas disediakan untuk individu (warganegara Malaysia dan pemastautin tetap) SAHAJA. Kanak-kanak berumur bawah lapan belas (18) tahun mesti disertai oleh ibu bapa atau penjaga untuk membuka suatu Akaun Penjaga. Anda boleh membuka Akaun Simpanan Asas dengan deposit permulaan sebanyak RM20.00. Anda juga dinasihatkan untuk mengekalkan baki minimum sebanyak RM20.00 di dalam Akaun Simpanan Asas.
- b) Berkuat kuasa pada 16 Mac 2020, Bank tidak lagi mengeluarkan buku simpanan bagi Akaun Simpanan Asas yang baru dibuka. Penyata Akaun yang menyatakan semua transaksi pada akaun akan disediakan secara elektronik sekali sebulan melalui allianceonline bagi pengguna allianceonline.

**1.2.2 Akaun Simpanan**

- a) Berkuat kuasa pada 1 Oktober 2019, Bank tidak lagi menawarkan Akaun Simpanan kepada pemegang akaun baharu.

**1.2.3 Akaun Alliance My eSaving**

- a) Individu (warganegara Malaysia, pemastautin tetap, dan warga asing) yang telah mencapai umur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun layak membuka Akaun Alliance My eSaving atas nama peribadi SAHAJA. Pembukaan Akaun Bersama tidak dibenarkan kecuali dengan kanak-kanak bawah umur lapan belas (18) tahun yang akan menjadi pemegang bersama sama ada melalui amanah atau beneficiari. Anda boleh membuka Akaun Alliance My eSaving dengan deposit permulaan tidak kurang daripada RM250.00 atau suatu amaun seperti yang dinasihatkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Jumlah minimum sebanyak RM20.00 atau amaun lain sebagaimana yang

*ditentukan oleh Bank mesti disimpan dalam Akaun Alliance My eSaving.*

#### 1.2.4 Akaun Alliance Buddy™

- a) Akaun Alliance Buddy™ disediakan untuk warganegara Malaysia, pemastautin tetap, dan warga asing yang merupakan ibu bapa atau seseorang penjaga dengan kanak-kanak berumur bawah lapan belas (18) tahun SAHAJA. Akaun yang dibuka oleh seorang ibu bapa atau penjaga untuk kanak-kanak akan dipanggil sebagai Akaun Penjaga. Akaun Alliance Buddy™ ini berfungsi seperti mana akaun amanah, iaitu ibu bapa atau penjaga mempunyai hak mengawal akaun sehingga kanak-kanak itu berusia lapan belas (18) tahun. Alliance Buddy™ akan dibuka atas nama bersama ibu bapa atau penjaga yang sah sebagai pemegang akaun utama dan kanak-kanak sebagai beneficiari bagi akaun tersebut. Anda boleh membuka Akaun Alliance Buddy™ dengan deposit permulaan tidak kurang daripada RM50.00 atau suatu amaun yang akan dinasihatkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Jumlah minimum sebanyak RM1.00 atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank mesti dikekalkan dalam Akaun Alliance Buddy™ pada setiap masa.
- b) Pembukaan suatu Akaun Bersama tidak dibenarkan. Hanya seorang (1) daripada ibu bapa dan seorang (1) anak dibenarkan untuk membuka Akaun Alliance Buddy™.

#### 1.2.5 Akaun AllianceSave Pendidikan/ Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan

- a) Berkuat kuasa pada 1 Oktober 2019, Bank tidak lagi menawarkan akaun ini kepada pemegang akaun baharu.
- b) Walau bagaimanapun, hal berikut terpakai kepada pemegang akaun sedia ada sahaja: Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan hanya tersedia untuk kanak-kanak bawah umur lapan belas (18) tahun. Setelah kanak-kanak mencapai umur lapan belas (18) tahun, individu tersebut boleh menutup akaun atau sekiranya Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan tidak ditutup, akaun yang sama ini akan ditukar kepada Akaun Simpanan biasa secara automatik. Akaun ini berfungsi seperti mana akaun amanah, iaitu seorang ibu bapa atau penjaga akan menjadi pemegang akaun bersama. Ibu bapa atau penjaga mempunyai hak mengawal terhadap akaun tersebut sehingga kanak-kanak itu berumur lapan belas (18) tahun.

#### 1.2.6 Akaun Alliance Senior Savers

- a) Berkuat kuasa pada 1 Oktober 2019, Bank tidak lagi menawarkan akaun ini kepada pemegang akaun baharu.

### 1.3 Jenis Akaun Deposit Tetap:

#### 1.3.1 Akaun Deposit Tetap

- a) Akaun Deposit Tetap disediakan untuk individu.
- b) Individu (warganegara Malaysia, pemastautin tetap, dan warga asing) yang telah mencapai umur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun layak untuk membuka suatu Akaun Deposit Tetap individu atau bersama. Kanak-kanak bawah lapan belas (18) tahun mesti disertai oleh seorang ibu bapa atau penjaga.
- c) Tempoh/Deposit Minimum:
  - (i) Tempoh bagi letakan Deposit Tetap hendaklah dari satu (1) bulan sehingga enam puluh (60) bulan. Jumlah letakan minimum sebanyak RM5,000.00 diperlukan bagi letakan selama satu (1) bulan dan bagi tempoh lain, iaitu selama dua (2) bulan dan ke atas, jumlah minimum adalah sebanyak RM500.00.
  - (ii) Akaun Deposit Tetap juga boleh dibuka melalui allianceonline melalui pemindahan dana daripada Akaun Simpanan peribadi atau Semasa anda dengan Bank (termasuk Akaun Simpanan atau Semasa bersama dengan mandat salah seorang untuk menandatangan). Tempoh bagi letakan Deposit ini adalah, walau

bagaimanapun, untuk satu (1) hingga dua belas (12) bulan sahaja. Tiada sijil fizikal akan dikeluarkan bagi letakan Deposit Tetap tersebut.

#### 1.3.2 Akaun Alliance FDGold

- a) Individu (warganegara Malaysia, pemastautin tetap, dan warga asing) berumur dua puluh satu (21) tahun ke atas layak membuka suatu Akaun FDGold individu atau bersama. Bagi akaun bersama, pemegang (pemegang-pemegang) akaun utama mestilah berumur dua puluh satu (21) tahun dan ke atas dan pemegang (pemegang-pemegang) akaun kedua mestilah berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun.
- b) Tempoh/Deposit Minimum:
  - (i) Akaun Alliance FDGold mesti dibuka dengan tempoh letakan minimum sama ada selama 12, 15, 18, 21, 24, 36, 48, atau 60 bulan tertakluk pada letakan minimum sebanyak RM30,000.00.
  - (ii) Akaun Alliance FDGold juga boleh dibuka melalui allianceonline melalui pemindahan dana daripada Akaun Simpanan peribadi atau Semasa anda dengan Bank (termasuk Akaun Simpanan atau Semasa Bersama dengan mandat salah seorang untuk menandatangan). Akaun eAlliance FDGold ini mesti, walau bagaimanapun, dibuka dalam tempoh dua belas (12) bulan tertakluk pada letakan minimum sebanyak RM30,000.00.

#### 1.3.3 Akaun Deposit Tetap dan Akaun Alliance FDGold melalui Digital Banking One System (DBOS) di cawangan.

- a) Akaun Simpanan Tetap dan Akaun Alliance FDGold juga boleh dibuka melalui Digital Banking One System (DBOS) melalui pemindahan dana daripada Akaun Simpanan peribadi atau Semasa anda dengan Bank (termasuk Akaun Simpanan atau Semasa bersama mengikut mandat operasi akaun).
- b) Tiada resit Deposit Tetap akan dikeluarkan secara fizikal. Perakuan akan dihantar kepada anda secara elektronik bagi setiap letakan Akaun Deposit Tetap / Alliance FDGold. E-perakuan bukanlah dokumen hak milik dan hanya bertindak sebagai bukti letakan Akaun Deposit Tetap/ Alliance FDGold. E-perakuan ini juga tidak boleh dirunding, tidak boleh dipindah milik, dan tidak boleh diserah hak.
- c) Anda boleh melihat letakan dan butiran akaun Deposit Tetap/Alliance FDGold anda melalui allianceonline.
- d) Tempoh /Deposit Minimum:
  - (i) Tempoh bagi letakan Deposit Tetap hendaklah dari satu (1) bulan sehingga enam puluh (60) bulan. Jumlah letakan minimum sebanyak RM5,000.00 diperlukan bagi letakan selama satu (1) bulan dan bagi tempoh lain, iaitu selama dua (2) bulan dan ke atas, jumlah minimum adalah sebanyak RM500.00.
  - (ii) Akaun Alliance FDGold hendaklah dalam tempoh letakan minimum sama ada selama 12, 15, 18, 21, 24, 36, 48, atau 60 bulan tertakluk pada suatu letakan minimum sebanyak RM30,000.00.

### 2. **akrifan Pemastautin dan Bukan Pemastautin**

#### 2.1 Pemastautin ditakrifkan seperti berikut:

- a) seorang warganegara Malaysia, **tidak termasuk** warganegara yang memperoleh status pemastautin tetap di sebuah negara atau wilayah di luar Malaysia dan sedang menetap di luar Malaysia;
- b) seorang bukan warganegara Malaysia yang memperoleh status pemastautin tetap di Malaysia dan kebiasaananya tinggal di Malaysia;

#### 2.2 Berikut dianggap sebagai bukan pemastautin

- a) mana-mana orang selain daripada seseorang pemastautin;
- b) seorang warganegara Malaysia yang memperoleh status pemastautin tetap di sebuah negara atau wilayah di luar Malaysia dan tinggal di luar Malaysia.
- c) Seseorang bukan warganegara Malaysia dengan pengecualian 2.1 (b).

### **3. Akaun Luaran (EA)**

- 3.1 Akaun Luaran ialah suatu akaun dalam Ringgit yang dibuka
- oleh seseorang Bukan Pemastautin —
    - secara individu;
    - bersama dengan Bukan Pemastautin lain; atau
    - bersama dengan seseorang Pemastautin, **tidak termasuk** —
      - bagi suatu usaha sama di Malaysia;
      - suami dan isteri; atau
  - oleh seseorang yang mengendalikan akaun amanah untuk atau bagi pihak seseorang Bukan Pemastautin. Penentuan akaun hendaklah ditentukan berdasarkan kediaman benefisiari.
- 3.2 Sebarang bayaran, resit, atau pemindahan yang tidak disahkan kepada atau daripada akaun luaran adalah terhad kepada RM10,000 bagi setiap transaksi;
- 3.3 Tiada had akan dikenakan bagi transaksi berikut:
- Pengeluaran tunai dilaksanakan di kaunter.
  - pemindahan antara Akaun Luaran bagi pemegang akaun yang sama
  - EA konsulat, suruhanjaya tinggi, atau kedutaan.
  - Peserta Program My Second Home.
  - Individu yang bekerja atau belajar di Malaysia (termasuk pasangan dan ibu bapa).
- 3.4 Bank berhak untuk menolak atau meminta maklumat atau dokumen sokongan tambahan untuk mengesahkan keperluan untuk membuka Akaun Luaran dan untuk menyelesaikan sebarang transaksi daripada atau kepada Akaun Luaran.

### **4. Akaun Penjaga**

- 4.1 Bagi Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan/Akaun Alliance My eSaving/Alliance Buddy™ /Akaun AllianceSave Pendidikan.
- a) Akaun Penjaga ialah akaun yang dikendalikan oleh seorang penjaga yang dipercayai untuk akaun kanak-kanak bawah umur, dalam kes ini, kanak-kanak berumur bawah dua belas (12) tahun dan/atau lapan belas (18) tahun.

### **5. Akaun Wasi dan Pentadbir**

- 5.1 Wasi boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang telah dilantik oleh pewasiat (si mati) bagi tujuan pembubaran harta pewasiat mengikut arahan yang terkandung dalam wasiat terakhir pewasiat.
- 5.2 Pentadbir dilantik oleh mahkamah apabila seseorang meninggal dunia tanpa wasiat penuh atau apabila tiada wasi yang dinamakan di dalam wasiat atau wasi yang dinamakan meninggal dunia atau mereka melepaskan pelantikan mereka atau tidak berupaya untuk bertindak.
- 5.3 Kad Debit Alliance Bank tidak dibenarkan bagi jenis akaun ini.

### **6. Pembukaan/Pengendalian Akaun bagi Orang Kurang Upaya Penglihatan**

- 6.1 Orang buta (Pemegang Akaun) yang celik/buta huruf boleh membuka suatu akaun deposit untuk dikendalikan secara individu/bersama dengan kehadiran seorang pengiring/rakan/saudara orang buta tersebut.
- 6.2 Pada masa pembukaan akaun, input tandatangan/cap ibu jari oleh pemegang akaun mesti disaksikan oleh seorang pengiring/rakan/saudara orang buta tersebut sebagai saksi pertama (1) dan disaksikan oleh seorang pegawai Bank sebagai saksi kedua (2).
- 6.3 Bagi pengendalian akaun yang dilaksanakan di kaunter, pemegang akaun harus menurunkan kesan atau tanda ibu jari di hadapan pegawai yang diberi kuasa yang harus mengesahkan identiti orang tersebut.
- 6.4 Pegawai Bank hendaklah menerangkan Terma dan Syarat yang mengawal akaun kepada pemegang akaun.

- 7. Akaun Bersama**
- 7.1 Anda memberikan kuasa kepada Bank untuk meletakkan semua wang yang diterima oleh Bank pada akaun salah seorang daripada anda ke kredit akaun bersama atau akaun tersebut dan menyerahkan apa-apa dokumen dan sekuriti yang boleh dipegang oleh Bank pada akaun bersama anda kepada salah seorang daripada anda.
- 7.2 Anda akan bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi semua obligasi dan liabiliti yang ditanggung terhadap atau berkenaan dengan apa-apa pinjaman atau overdraf atau apa-apa kemudahan lain yang boleh diberikan pada Akaun Bersama beserta dengan semua faedah dan caj lain di atasnya.
- 7.3 Pada bila-bila masa, Bank boleh, dengan notis kepada salah seorang daripada anda, menggabungkan dan/atau menyatukan semua atau mana-mana akaun lain, sama ada bagi mana-mana nama individu anda atau bagi nama bersama anda, dan/atau menolak selesai dan/atau memindahkan apa-apa baki kredit mana-mana satu atau lebih akaun tersebut dalam atau ke arah penyelesaian apa-apa liabiliti anda kepada Bank bagi mana-mana akaun lain atau dalam apa-apa hal lain, dan sama ada liabiliti tersebut kepada bank bersifat sebenar, luar jangka, utama, bercagar, berasingan, atau bersama.
- 7.4 Akaun Bersama iaitu:
- a) Dikendalikan dengan satu pihak berkuasa menandatangan, arahan daripada mana-mana pemegang Akaun Bersama akan diterima oleh Bank dan arahan tersebut akan mengikat pemegang Akaun Bersama yang lain. Sekiranya sebelum bertindak atas arahan yang diterima daripada seorang pemegang Akaun Bersama, Bank menerima arahan yang bertentangan daripada pemegang Akaun Bersama yang lain, Bank boleh memilih untuk bertindak sesudah itu hanya atas mandat semua pemegang Akaun Bersama, sekalipun Akaun Bersama tersebut memerlukan satu pihak berkuasa menandatangan dan Bank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab langsung atas sebarang kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan, dan kerosakan disebabkan oleh penolakan Bank untuk bertindak tanpa mandat sedemikian.
  - b) Dikendalikan dengan pihak berkuasa menandatangan bersama, hanya arahan daripada semua pemegang akaun Akaun Bersama akan diterima oleh Bank.
- 7.5 Sekiranya berlaku kematian, tertakluk kepada undang-undang semasa yang berkaitan pada masa itu, untuk menahan atas kematian salah seorang atau seorang daripada anda apa-apa baki kredit atau baki sekarang atau selepasnya ter hutang kepada akaun atau akaun-akaun atas nama bersama anda dan apa-apa sekuriti yang dipegang atas nama bersama anda atas perintah orang atau orang-orang yang masih hidup tanpa menjelaskan hak penyatuan dan tolak selesai Bank yang terkandung di sini atau hak Bank berkenaan dengan baki atau sekuriti yang timbul daripada sebarang tuntutan balas aku cagar caj lien atau sebaliknya, Bank adalah berhak membayar baki kredit dalam akaun kepada orang yang masih hidup sekiranya berlaku kematian mana-mana atau salah seorang daripada Pemegang Akaun bersama dan pembayaran tersebut menjadi pelepasan yang sah oleh Bank atas amaun yang perlu dibayar dalam akaun. Walau apa pun perkara di atas, Bank boleh mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang dikehendaki sekiranya terdapat sebarang tuntutan oleh mana-mana orang selain daripada orang (orang-orang) yang hidup.
- 7.6 Pemegang Akaun (Akaun-Akaun) Bersama hendaklah secara bersama dan berasingan beraku janji untuk menanggung rugi dan tidak meletakkan kesalahan terhadap Bank bagi kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan, dan liabiliti lain sedikit pun dan bila-bila masa yang ditanggung berpunca daripada apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pemegang Akaun (Akaun-Akaun) Bersama.
- 8. Penutupan Akaun Bersama**
- 8.1 Akaun Simpanan
- a) Sebarang permintaan untuk menutup Akaun Bersama mesti mengikut syarat-syarat bagi pengendalian akaun itu serta, seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan untuk Akaun Peribadi/Bersama.

- 8.2 **Akaun Semasa**  
 a) Sebarang permintaan untuk menutup Akaun Bersama mesti disahkan oleh semua pihak.
- 9. Kad Debit Alliance Bank**
- 9.1 *Bagi Akaun Alliance SavePlus/Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite/Akaun Alliance My eSaving.*
- a) *Kad Debit Alliance Bank mengikut kategori dan jenis sebagaimana yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya akan dikeluarkan bagi setiap akaun. Bagi Akaun Bersama yang dikendalikan dengan pihak berkuasa menandatangan tunggal, Kad Debit Alliance Bank akan dikeluarkan untuk salah seorang daripada pemegang akaun.*
  - b) *Anda akan menanggung rugi kepada Bank tehadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, kerugian, kerosakan, kos, dan perbelanjaan (termasuk fi guaman atas dasar peguam cara dan pelanggan) sebagaimana yang diterima atau ditanggung oleh Bank berpunca daripada atau berkaitan dengan penggunaan Kad Debit Alliance Bank oleh pemegang (pemegang-pemegang) akaun utama.*
  - c) *Bagi Akaun Bersama, salah seorang daripada pemegang akaun boleh mengeluarkan arahan dan memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan apa-apa Transaksi Kad Debit (transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad Debit bagi urus niaga tempatan dan luar negara; Transaksi Dengan Kad secara bersemuka serta Transaksi Tanpa Kad secara tidak bersemuka dan Transaksi Tanpa Sentuhan (jika berkenaan) bagi suatu akaun bersama. Semua Transaksi Kad yang berlaku hendaklah mengikat semua pemegang akaun, yang bertanggungan secara bersama dan berasingan.*
  - d) *Mandat seseorang pemegang akaun bersama tidak akan dibatalkan sehingga dan melainkan pemegang akaun bersama yang mandatnya akan dibatalkan menyerahkan Kad Debit Alliance Bank miliknya kepada Bank.*
- 10. Deposit**
- 10.1 *Semua cek dan lain-lain yang dihantar ke Bank melalui pos bagi urusan kredit akaun anda mesti disertakan dengan suatu surat atau slip deposit yang lengkap supaya tiada keraguan akan cara cek bakal diguna pakai.*
- 10.2 *Deposit tunai/cek dan instrumen lain hendaklah dibuat dengan melengkapkan slip deposit yang ditetapkan kami, yang boleh didapati di Bank. Apabila anda mendeposit dalam akaun anda, anda akan menerima satu salinan slip deposit, yang mesti menunjukkan huruf pertama Pegawai Bank yang diberi kuasa, atau disahkan oleh mesin juruwang. Cek diterima hanya untuk kutipan dan resit sementara tidak boleh ditafsirkan bererti cek yang didepositkan dalam akaun anda telah dijelaskan. Anda hanya boleh membuat pengeluaran selepas masa yang mencukupi bagi penjelasan cek telah luput bagi item-item tak laku untuk dikembalikan.*
- 10.3 *Walaupun setiap ikhtiar dibuat untuk memproses semua slip deposit pada hari resit, cek, draf, pesanan wang, dan lain-lain, dibuat pada sebelah tengah hari mungkin tepat pada masanya untuk dijelaskan kepada bank-bank lain pada hari yang sama tidak mencukupi dan akan dibawa ke hadapan bagi penjelasan pada hari bekerja berikutnya. Masa berkaitan yang terpakai bagi setiap pejabat berbeza-beza dan kami dengan sukacitanya akan memberikan maklumat lanjut kepada anda atas permintaan. Notis cek tak laku akan dikeluarkan secepat mungkin sebaik sahaja diterima oleh Bank.*
- 10.4 *Cek dan instrumen lain yang didepositkan dan yang kemudiannya didapati tak laku akan dikembalikan.*
- a) *Nasihat yang dilindungi kata laluan akan dihantar melalui e-mel ke alamat terkini yang disimpan oleh Bank; atau*
  - b) *Mel melalui pos sekiranya tiada alamat e-mel disimpan oleh Bank.*
- 10.5 *Bagi Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan*
- a) *Deposit boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank di Malaysia. Anda dinasihatkan untuk mengekalkan baki minimum sebanyak RM20.00 dalam Akaun Simpanan Asas.*
- 10.6 *Bagi Akaun Alliance Senior Savers*
- a) *Deposit boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank di Malaysia. Jumlah minimum*

- sebanyak RM50.00 atau amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank mesti disimpan dalam akaun.
- 10.7 **Bagi Akaun Alliance Buddy™**
- Deposit boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank di Malaysia. Jumlah minimum sebanyak RM1.00 atau amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank mesti disimpan dalam akaun.*
- 10.8 **Bagi Akaun AllianceSave Pendidikan/ Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan**
- Deposit boleh dibuat di mana-mana bank terdekat di Malaysia. Jumlah minimum sebanyak RM1.00 atau amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank mesti disimpan dalam akaun.*
- 11. Pengeluaran**
- 11.1 **Bagi Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa/Akaun AllianceSave/Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite dengan kemudahan buku cek**
- Pengeluaran boleh dibuat melalui (i) pertunaian cek tunai di kaunter juruwang Bank; atau (ii) di mana-mana Mesin Juruwang Automatik (ATM) Bank; atau (iii) mana-mana rangkaian ATM (MEPS) lain yang Bank merupakan ahli; atau (iv) pemindahan dana melalui allianceonline atau (v) melalui slip pengeluaran yang mesti dilengkapkan dan ditandatangan oleh pelanggan (hanya terpakai bagi kategori pelanggan terpilih) untuk pengeluaran di kaunter.*
- 11.2 **Bagi Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan/ Akaun Alliance SavePlus/Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite tanpa kemudahan buku cek/Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Alliance Senior Savers**
- Pengeluaran tunai boleh dibuat (i) secara peribadi di cawangan tempat akaun diselenggara atau (ii) secara peribadi di mana-mana cawangan; atau (iii) di mana-mana ATM Bank atau mana-mana rangkaian ATM yang Bank merupakan ahli (tidak terpakai bagi Akaun AllianceSave Pendidikan); atau (iv) pemindahan dana melalui allianceonline. Apabila pengeluaran dibuat melalui kaunter, anda mesti melengkapkan dan menandatangan suatu borang pengeluaran.*
  - Bagi Akaun Alliance Hybrid tanpa kemudahan buku cek, pelanggan amat digalakkan untuk membuat pengeluaran tunai melalui mesin ATM sehingga had maksimum terlebih dahulu sebelum meneruskan urusan di kaunter, jika amaun pengeluaran melebihi had harian.*
- 11.3 **Bagi Akaun Alliance Buddy™**
- Pengeluaran tunai boleh dibuat oleh seorang ibu bapa atau penjaga di cawangan tempat akaun diselenggara atau di mana-mana cawangan. Borang pengeluaran mesti dilengkapkan dan ditandatangan semasa sebarang pengeluaran dibuat di kaunter.*
  - Bank berhak untuk meminta anda mengemukakan dokumen pengenalan sebelum membuat pembayaran.*
  - Pemindahan dana boleh dibuat melalui allianceonline. (Terpakai untuk Akaun Alliance Buddy™/AllianceSave Pendidikan/Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan).*
- 11.4 **Bagi Akaun Alliance My eSaving**
- Pengeluaran boleh dibuat (i) secara peribadi di mana-mana ATM Bank atau mana-mana rangkaian ATM yang Bank menjadi ahli, (ii) secara peribadi di mana-mana cawangan Bank di Malaysia dengan caj transaksi di kaunter sebanyak RM5.00 bagi setiap transaksi dan (iii) atau pemindahan dana melalui allianceonline.*
  - Bagi sebarang pengeluaran di kaunter, Bank berhak untuk meminta anda mengemukakan dokumen pengenalan sebelum membuat pembayaran.*
- 12. Letakan**
- 12.1 **Akaun Deposit Tetap/Akaun Alliance FDGold**
- Akaun Deposit Tetap/Akaun FDGold Alliance berkuat kuasa sejurus selepas letakan tunai, pemindahan akaun atau cek tempatan. Cek tempatan yang diterima adalah*

- tertakluk kepada penjelasan cek tersebut.*
- b) *Anda dikehendaki memaklumkan Bank pada masa letakan setakat yang dianggap deposit pada tarikh tamat tempohnya. Sekiranya tiada sebarang arahan daripada anda, Bank boleh memperbaharui deposit untuk tempoh yang sama pada kadar semasa. Sekiranya, anda perlu menukar arahan selepas letakan, anda perlu mengeluarkan dan membuat letakan baharu.*
- 13. Faedah Baki Debit**
- 13.1 *Bagi Akaun Semasa/Akaun Semasa Asas/Akaun Alliance Save/Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite dengan cek*
- a) *Bagi Akaun Semasa dengan kemudahan overdraf yang tidak dikira terlebih dahulu, suatu faedah pada kadar 3.5% + Kadar Pinjaman Asas (atau kadar lain atau amaun yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM10.00) anda perlu bayar pada masa sebagaimana yang ditetapkan oleh baki debit Bank dalam Akaun Semasa.*
- 14. Faedah**
- 14.1 *Bagi Akaun Semasa*
- a) *Tiada faedah dibayar bagi Akaun Semasa. Sekiranya baki purata harian anda kurang daripada RM1,000.00, fi setengah tahun sebanyak RM10.00 atau suatu amaun yang akan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa akan dikenakan.*
- 14.2 *Bagi Akaun Semasa Asas*
- a) *Tiada faedah dibayar bagi Akaun Semasa Asas. Caj perkhidmatan sebanyak RM 10.00 setiap setengah tahun bagi Akaun Semasa Asas dengan baki purata harian kurang daripada RM1,000.00 semasa pertengahan tahun.*
- 14.3 *Bagi Akaun AllianceSave*
- a) *Akaun AllianceSave akan memperoleh faedah pada kadar faedah bertingkat semasa Bank. Faedah akan dikira pada setiap hari dan faedah tersebut akan dikreditkan setiap bulan. Tanpa mengira baki, fi setengah tahun sebanyak RM15.00 atau suatu amaun yang akan ditetapkan oleh bank dari semasa ke semasa akan dikenakan.*
- 14.4 *Bagi Akaun Alliance My eSaving*
- a) *Akaun Alliance My eSaving akan memperoleh faedah pada kadar faedah bertingkat semasa Bank. Faedah akan dikira pada setiap hari dan faedah tersebut akan dikreditkan setiap bulan.*
- 14.5 *Bagi Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite dengan kemudahan buku cek*
- a) *Akaun Alliance Hybrid/Alliance Elite akan memperoleh faedah pada kadar faedah bertingkat semasa Bank. Faedah akan dikira pada setiap hari dan faedah tersebut akan dikreditkan setiap bulan. Tanpa mengira baki, fi setengah tahun sebanyak RM15.00 atau suatu amaun yang akan ditetapkan oleh bank dari semasa ke semasa akan dikenakan.*
- 14.6 *Bagi Akaun Hybrid Alliance tanpa kemudahan buku cek*
- a) *Akaun Alliance Hybrid akan memperoleh faedah pada kadar faedah bertingkat semasa Bank. Faedah akan dikira pada setiap hari dan faedah tersebut akan dikreditkan setiap bulan.*
- 14.7 *Bagi Akaun Alliance SavePlus*
- a) *Akaun Alliance SavePlus akan memperoleh faedah pada kadar faedah bertingkat semasa Bank. Faedah akan dikira pada setiap hari dan faedah tersebut akan dikreditkan setiap bulan.*
- 14.8 *Bagi Akaun Alliance Senior Savers*
- a) *Bank akan menggunakan suatu struktur kadar faedah bertingkat pada kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk mengira faedah yang diperoleh pada bulan tersebut. Faedah tersebut, jika ada, akan dikira berdasarkan baki harian atau apa-apa asas lain sebagaimana yang ditentukan mengikut dasar-dasar Bank. Disebabkan Akaun Alliance Senior Savers anda, anda perlu mengemukakan buku simpanan selepas setiap bulan bagi pencatatan faedah, sekiranya ada.*

- 14.9 *Bagi Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan*  
 a) *Faedah, jika ada, pada kadar sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Bank walau bagaimanapun tidak boleh lebih rendah daripada 0.25% setahun dan akan dikreditkan sebagai tunggakan setiap setengah tahun atau pada selang masa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank. Faedah, jika ada, akan dikira berdasarkan baki harian atau apa-apa asas lain sebagaimana yang ditentukan mengikut dasar-dasar Bank. Anda hendaklah mengemukakan buku simpanan bagi pencatatan faedah, sekiranya ada, yang terhutang dengan Akaun Simpanan anda.*
- 14.10 *Bagi Akaun Alliance Buddy™*  
 a) *Faedah, pada kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk mengira faedah yang diperoleh bagi bulan tersebut. Faedah, jika ada, akan dikira berdasarkan baki harian atau apa-apa asas lain sebagaimana yang ditentukan mengikut dasar-dasar Bank. Kadar yang ditawarkan sebagaimana yang ditunjukkan di laman web kami di [www.alliancebank.com.my](http://www.alliancebank.com.my). Anda dinasihatkan untuk mengemukakan buku simpanan bagi pencatatan faedah, jika ada, yang terhutang dengan akaun anda.*
- 14.11 *Bagi Akaun AllianceSave Pendidikan/ Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan*  
 a) *Faedah, jika ada, pada kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk mengira faedah yang diperoleh bagi bulan tersebut. Faedah, jika ada, akan dikira berdasarkan baki harian atau apa-apa asas lain sebagaimana yang ditentukan mengikut dasar-dasar Bank. Anda hendaklah mengemukakan buku simpanan selepas setiap penghujung bulan bagi pencatatan faedah jika ada, yang terhutang dengan akaun anda.*
- 14.12 *Bagi Akaun Deposit Tetap*  
 a) *Akaun Deposit Tetap akan memperoleh faedah pada kadar kontrak dan faedah akan dikira setiap hari pada kadar yang sama. Faedah tersebut dikreditkan dalam suatu akaun dengan Bank. Walau bagaimanapun, anda dibenarkan untuk mengambil faedah secara tunai. Faedah dibayar pada tempoh matang bagi tempoh 1 hingga 12 bulan dan setiap 6 bulan bagi tempoh melebihi 12 bulan.*
- 14.13 *Bagi Akaun Alliance FDGold*  
 a) *Akaun Alliance FDGold akan memperoleh faedah pada kadar kontrak dan faedah akan dikira setiap hari pada kadar yang sama. Faedah tersebut dibayar setiap bulan. Faedah tersebut dikreditkan dalam suatu akaun dengan Bank. Walau bagaimanapun, anda dibenarkan untuk mengambil faedah secara tunai.*
- 14.14 *Jumlah Minimum untuk Memperoleh Faedah & Kadar Faedah*  
*Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang amaun minimum untuk memperoleh faedah dan kadar faedah, sila rujuk [www.alliancebank.com.my/general/interest-rates.aspx](http://www.alliancebank.com.my/general/interest-rates.aspx)*

## **15. Bagi Kakitangan Kumpulan Alliance Bank**

15.1 *Apabila kakitangan berhenti bekerja dengan Bank, kadar faedah tambahan sebanyak 0.50% setahun di samping kadar niaga bagi Deposit Tetap dan Akaun Alliance My eSaving/ Alliance Senior Savers/ Simpanan akan ditukar serta-merta kepada kadar niaga Bank pada masa letakan bagi akaun Deposit Tetap dan kepada kadar niaga semasa Bank bagi Akaun Alliance My eSaving/ Alliance Senior Savers/ Simpanan.*

15.2 *Adalah menjadi tanggungjawab kakitangan/bekas kakitangan untuk menyemak kadar yang dipaparkan pada papan kenyataan cawangan bagi sebarang perubahan pada kadar tersebut.*

## **16. Faedah Bonus/Ganjaran**

16.1 *Bagi Akaun AllianceSave Pendidikan/ Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan*

a) *Anda akan diberi Faedah Bonus bersamaan dengan 10% daripada jumlah faedah yang diperoleh bagi akaun jika tiada pengeluaran dibuat bagi suatu tempoh berterusan selama dua belas (12) bulan. Faedah Bonus, jika ada, pada kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, akan dikira dan terakru dari bulan berikutnya selepas pembukaan Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan. Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Program Sekolah*

- Angkat AllianceSave Pendidikan akan terus memperoleh Faedah Bonus bagi jumlah faedah yang diperoleh dalam dua belas (12) bulan sebelumnya, sekiranya memenuhi syarat-syarat Faedah Bonus.
- 16.2 **Bagi Akaun Alliance My eSaving**
- Faedah Ganjaran Suku Tahun dibayar pada RM1,000.00 pertama Baki Purata Bulanan Tambahan bagi suku kalender sahaja.
  - Faedah Ganjaran Suku Tahun (jika ada) akan dikira berdasarkan Baki Purata Bulanan Tambahan bagi suku kalender sahaja dan faedah tersebut akan dikreditkan setiap suku tahun pada 1 Januari, 1 April, 1 Julai dan, 1 Oktober tahun tersebut. Misalnya, faedah yang diperoleh dari bulan Januari hingga Mac, pembayaran akan dibuat pada 1 April. Anda mesti membuka akaun pada bila-bila masa sebelum Faedah Ganjaran Suku Tahunan untuk melayakkan anda bagi suku kalender semasa.
- 16.3 Anda akan hilang kelayakan bagi Faedah Ganjaran Suku Tahunan sekiranya anda tidak memenuhi syarat iaitu Tambahan konsisten bagi Baki Purata Bulanan sekurang-kurangnya RM100.00 setiap bulan dalam setiap suku tahun. Faedah yang diperoleh bagi akaun tersebut tidak termasuk dalam pengiraan Baki Purata Bulanan.
- Gambaran**
    - Anda akan layak mendapat Faedah Ganjaran Suku Tahun apabila anda mempunyai tambahan Baki Purata Bulanan sebanyak RM100.00 setiap bulan dari bulan Januari hingga Mac.
    - Anda tidak akan layak mendapat Faedah Ganjaran Suku Tahunan sekiranya tambahan Baki Purata Bulanan anda sebanyak RM100.00 hanya pada bulan Januari namun tiada tambahan/kurang daripada RM100.00 pada bulan Februari dan/atau Mac.
    - Walau bagaimanapun, anda akan bermula dengan kitaran baharu pada suku tahun berikutnya (dengan syarat semua syarat yang ditetapkan dipenuhi) iaitu bulan Januari hingga Mac, April hingga Jun, Julai hingga September, dan Oktober hingga Disember.
- 16.4 **Bagi Akaun Alliance Buddy™**
- Faedah Bonus, jika ada, boleh diberikan pada suatu kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Faedah Bonus dikira dari bulan berikutnya apabila Akaun Alliance Buddy™ dibuka. Faedah Bonus akan dibayar berdasarkan jumlah faedah yang diperoleh dalam dua belas (12) bulan lepas dengan syarat kedua-dua syarat ini dipenuhi: (1) Suatu jumlah amaun tidak kurang daripada RM100.00 didepositkan pada bulan kalender selama dua belas (12) bulan berturut-turut dan (2) Tiada pengeluaran deposit dibuat bagi tempoh berterusan selama dua belas (12) bulan.

## 17. Pelepasan Fi

### 17.1 Bagi Akaun Alliance SavePlus sahaja

- Tiada fi perkhidmatan akan dikenakan pada akaun. Walau bagaimanapun, caj transaksi yang dilakukan melalui Dalam Talian atau di ATM (iaitu Fi Tahunan IBG/IBFT/MEPS/Kad Debit) akan dikenakan sekiranya baki purata bulanan kurang daripada RM10,000.00 atau suatu amaun yang akan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa akan dikenakan. Akaun dengan baki purata bulanan melebihi RM10,000.00 layak mendapatkan pelepasan fi dan caj. Pelepasan hanya akan dibayar balik pada 1hb pada bulan berikutnya.
- Pelepasan maksimum bagi fi dan caj ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

Caj/ Fi	Kos Setiap Transaksi
IBG	RM0.10
IBFT	RM0.50
Pengeluaran Tunai MEPS di - Bank tempatan lain	RM1.00
- Bank-bank asing yang diperbadankan secara tempatan	RM1.00

<i>Caj Tahunan Kad Debit</i>	<i>RM12.00</i>
<i>Transaksi di kaunter</i>	<i>RM 2.00</i>

- 17.2 *Caj mungkin berbeza dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu. Bagi pelepasan Caj Tahunan Kad Debit, pelanggan mestilah menjadi pemegang utama Akaun Alliance SavePlus dan menggunakan kad Debit bagi akaun Alliance SavePlus lebih dari satu (1) tahun. Pelepasan tidak akan diberikan bagi fi Tahunan Kad Debit sekiranya Akaun Alliance SavePlus dibuka kurang dari satu (1) tahun.*

#### **18. Anugerah Pencapaian Semua A**

- 18.1 *Bagi Akaun Alliance Buddy™ sahaja*

a) *Sebagai pengiktirafan pencapaian anak dalam peperiksaan awam (iaitu PT3 (sehingga tahun 2021) dan SPM), Bank boleh menghadiahkan bayaran tunai yang akan dikreditkan dalam Akaun Alliance Buddy™. Pecahan anugerah peperiksaan masing-masing adalah sebanyak RM300.00 bagi peperiksaan PT3 (sehingga tahun 2021) dan SPM. Pemberian ini boleh dikaji semula oleh Bank dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada kriteria: (1) keputusan semua mata pelajaran yang diambil mestilah gred 'A' tanpa mengira bilangan mata pelajaran yang diambil. Dalam kes peperiksaan SPM, gred 'A', 'A+', dan 'A-' dianggap sebagai gred A; (2) baki sebanyak RM500.00 hendaklah disimpan dalam akaun selama enam (6) bulan berturut-turut sebelum pengumuman keputusan peperiksaan; (3) pemegang (pemegang-pemegang) akaun hendaklah mengemukakan suatu salinan sebenar slip keputusan peperiksaan yang disahkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pengumuman keputusan untuk layak menerima pemberian wang tunai.*

- 18.2 *Bagi Akaun AllianceSave Pendidikan/ Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan sahaja*

a) *Sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik anak dalam peperiksaan sekolah (iaitu PT3 (sehingga tahun 2021) SPM), Bank akan menghadiahkan bayaran tunai yang akan dikreditkan dalam Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Program Sekolah Angkat AllianceSave Pendidikan. Pecahan anugerah peperiksaan masing-masing adalah sebanyak RM300.00 bagi peperiksaan PT3 (sehingga tahun 2021) dan SPM. Pemberian ini boleh dikaji semula oleh Bank dari semasa ke semasa. Anugerah akan diberikan tertakluk kepada kriteria (gred): (1) keputusan semua mata pelajaran yang diambil mestilah gred 'A' tanpa mengira bilangan mata pelajaran yang diambil. Dalam kes peperiksaan SPM, gred 'A', 'A+', dan 'A-' dianggap sebagai gred A; (2) baki sebanyak RM300.00 hendaklah disimpan dalam akaun selama enam (6) bulan berturut-turut sebelum pengumuman keputusan peperiksaan; (3) pemegang (pemegang-pemegang) akaun mesti mengemukakan suatu salinan sebenar slip keputusan peperiksaan yang disahkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pengumuman keputusan untuk membuat tuntutan pemberian tunai.*

#### **19. Cek**

- 19.1 *Buku cek hanya boleh didapati dengan Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa/Akaun AllianceSave/Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite dengan kemudahan buku cek.*

- 19.2 *Anda hendaklah menggunakan hanya cek yang dibekalkan oleh Bank berkaitan dengan mana-mana akaun semasa anda pada setiap masa. Apabila anda mengeluarkan cek, sila pastikan bahawa amaun, sama ada dalam bentuk perkataan dan angka ditulis dengan jelas dan dengan cara yang boleh menghalang sisipan apa-apa perkataan atau angka. Suatu tulisan baris “\_\_\_\_\_” atau perkataan “only” atau “sahaja” hendaklah ditambah selepas amaun yang dinyatakan dalam perkataan.*

- 19.3 *Bank mengehadkan deposit cek belum bayar kepada pemegang (pemegang-pemegang) akaun sahaja.*

- 19.4 *Anda hendaklah memastikan bahawa dana yang dikekalkan dalam akaun semasa anda mencukupi pada setiap masa bagi pembayaran cek yang dikeluarkan. Caj (rujuk Fi & Caj di laman web) akan dikenakan bagi setiap cek yang dikembalikan kerana dana yang tidak*

- mencukupi dalam Akaun Semasa anda. Amaran akan dikeluarkan selepas cek pertama dikeluarkan atas alasan dana tidak mencukupi. Bank berhak untuk melakukan pemeriksaan melalui Rujukan HDC dan menutup akaun sekiranya tiga atau lebih cek yang dikeluarkan, mengikut dasar-dasar bank, oleh pemegang akaun dikembalikan oleh Bank atas alasan dana yang tidak mencukupi, dalam suatu tempoh dua belas bulan, dalam satu tahun kalendar.
- 19.5 Bank adalah berhak untuk menolak untuk melunaskan apa-apa cek apabila tandatangan pemegang (pemegang-pemegang) akaun berbeza daripada spesimen tandatangan yang diberikan kepada Bank. Cek tidak boleh diubah dalam apa jua cara. Bank berhak untuk tidak melunaskan, dan kemudian mengembalikan cek yang pada hemat Bank menunjukkan apa-apa bentuk perubahan, mengikut dasar-dasar bank (sama ada anda menandatangan balas atau sebaliknya).
- 19.6 Sekiranya anda ingin menghentikan pembayaran cek, anda mesti memberi kami butiran penuh cek yang akan dibatalkan secara bertulis dan menandatangan surat tersebut dengan cara yang serupa seperti mana cek dikeluarkan daripada akaun anda. Arahan Henti Bayar boleh dibuat melalui allianceonline. Oleh sebab terdapat kemungkinan wujud bahaya tertentu dengan cek yang hilang diuruskan dalam apa jua cara, sila simpan buku cek anda dalam jagaan selamat.
- 19.7 Bank berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan sebanyak RM15.00 atau amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk melaksanakan setiap arahan Henti Bayar. Bagi cek tarikh hadapan yang dipulangkan, sebanyak RM10.00 akan diambil daripada penerima.
- 19.8 Permohonan untuk buku cek baharu hendaklah dibuat pada borang permohonan bercetak Bank, melalui Kad Debit Alliance Bank atau dengan menggunakan kemudahan allianceonline Bank. Adalah penting untuk memastikan bahawa semua cek diambil kira, dalam buku cek baharu apabila anda menerima daripada Bank dan pengutus yang boleh dipercayai perlu dihantar untuk mengambil buku cek sekiranya anda tidak dapat mengambilnya sendiri. Tolong jangan berikan cek daripada buku cek anda kepada orang lain atau meminjam cek daripada orang lain, kerana terdapat kemungkinan bahawa item ini mungkin digunakan pada akaun yang salah.
- 19.9 Apabila Bank menerima atau menanggung liabiliti untuk atau atas permintaan anda, sebarang dana atau sekuriti dan barang berharga lain kepunyaan anda yang didepositkan dengan Bank akan secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank dan Bank berhak untuk mengekalkan dana tersebut atau mana-mana bahagiannya dan malah tidak melunaskan cek anda sehingga liabiliti tersebut diselesaikan.
- 19.10 Anda akan menanggung rugi Bank, sebagai Bank pemungut, daripada sebarang kerugian, sebagaimana yang ditanggung oleh Bank atas alasan jaminan sebarang pengesahan, pelepasan, bagi mana-mana cek yang dikemukakan mengikut permintaan anda yang dizahirkan dalam setiap kes.
- 20. Buku Akaun Simpanan**
- 20.1 Bagi Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan/Alliance Buddy™ /Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Alliance Senior Savers, pemegang (pemegang-pemegang) akaun yang memegang buku, buku simpanan tersebut dan sebarang penggantian/pembaharuan buku simpanan akan terus dikeluarkan. Buku simpanan mesti ditunjukkan di kaunter bagi setiap transaksi apabila pengeluaran dibuat di cawangan.
- 20.2 Amaun setiap deposit dan pengeluaran akan tertera di dalam buku simpanan. Sebarang pembayaran yang dibuat oleh Bank setelah penghasilan buku simpanan akan mempunyai kesan yang sama seperti mana sekiranya pembayaran dibuat kepada anda secara peribadi dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang anda alami atau oleh mana-mana pihak lain.
- 20.3 Buku simpanan perlu ditunjukkan kepada Bank semasa dan apabila perlu oleh Bank bagi apa-apa faedah/dividen atau item yang tidak dicatatkan untuk dimasukkan. Buku simpanan adalah untuk rujukan sahaja dan tidak muktamad kerana buku simpanan tidak semestinya menunjukkan baki semasa akaun sebagaimana deposit atau pengeluaran yang telah dibuat atau item yang dikenakan caj tanpa catatan tertera di dalam buku simpanan.

- 20.4 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa catatan-catatan di dalam buku simpanan adalah betul sebelum meninggalkan premis Bank, jika tidak, anda adilah disifatkan telah mengakui catatan-catatan di dalamnya. Catatan-catatan di dalam buku simpanan tidak sah melainkan dimasukkan oleh mesin cetak atau sebaliknya dengan tandatangan pegawai-pegawai Bank yang diberikan kuasa.
- 20.5 Buku simpanan ini tidak boleh diusik atau diubah berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan transaksi sama ada oleh anda atau mana-mana pihak lain. Sekiranya buku simpanan haus atau rosak, Bank boleh, apabila buku simpanan sedemikian diserahkan dan sejumlah wang yang dinyatakan oleh Bank dibayar, menggantikan buku simpanan yang rosak atau mengeluarkan buku simpanan baharu kepada anda. Fi minimum akan dikenakan (Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang fi dan caj, sila rujuk [www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx](http://www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx)).
- 21. Kapasiti Pendeposit untuk Berkontrak**
- 21.1 Bagi Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan/Akaun Alliance My eSaving
- a) Anda mesti mempunyai keupayaan untuk kontrak. Menurut dasar Bank, individu yang telah mencapai umur 18 tahun sahaja boleh membuka akaun bawah namanya sendiri. Kanak-kanak bawah umur juga boleh membuka akaun, namun akaun itu perlu dibuka dan dikendalikan hanya dengan ibu bapa/penjaga.
  - b) Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan/Akaun Alliance My eSaving boleh ditutup atas permintaan pelanggan, melalui pengendalian undang-undang atau menurut dasar Bank.
  - c) Sesuatu akaun boleh digantung sekiranya pemegang akaun meninggal dunia, bankrap, atau tidak waras.
- 22. Tugas Pendeposit**
- 22.1 Bagi Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa/Akaun AllianceSave/Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite dengan kemudahan buku cek
- a) Buku cek hendaklah disimpan dengan selamat dalam jagaan anda sendiri dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang ditanggung oleh anda berpunca daripada kecuaian atau peninggalan anda sendiri yang menyebabkan seseorang yang tidak diberi kuasa memperoleh buku atau helaian cek tersebut dan dengan tipu daya mendapatkan bayaran bagi apa-apa jumlah kepunyaan anda.
- 22.2 Bagi Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan/Akaun Alliance Buddy™/Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Alliance Senior Savers dengan Buku Simpanan
- a) Buku simpanan hendaklah disimpan dengan selamat dalam jagaan anda sendiri dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang berpunca daripada kecuaian anda sendiri.
- 22.3 Bagi Akaun Deposit Tetap/Alliance FDGold
- a) Sijil Deposit Tetap/Alliance FDGold dengan sijil perlu disimpan dengan selamat dalam jagaan anda sendiri dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang anda tanggung atas kecuaian anda sendiri. Mana-mana orang boleh mendapatkan pemilikan sijil Deposit Tetap/sijil Alliance FDGold dan secara penipuan mendapatkan pembayaran apa-apa jumlah kepunyaan anda.
- 23. Kehilangan sijil Deposit Tetap**
- 23.1 Bagi Akaun Deposit Tetap/Alliance FDGold
- a) Anda perlu memaklumkan Bank serta-merta akan kehilangan sijil Deposit Tetap /Alliance FDGold. Setelah pengesahan, Bank akan mengeluarkan resit baharu kepada anda.
  - b) Berkuat kuasa pada 1 Disember 2021, fasal ini tidak lagi terpakai.
- 24. Pembaharuan dan Pengeluaran Deposit Tetap/ Alliance FDGold**
- 24.1 Berkuat kuasa pada 1 Disember 2021, anda tidak perlu mengemukakan resit Deposit Tetap/Alliance FDGold asal atau sijil yang disahkan dengan sewajarnya bagi pembaharuan atau pengeluaran Deposit Tetap/Alliance FDGold.

- a) Resit atau sijil Deposit Tetap/Alliance FDGold hanya berfungsi sebagai pengesahan letakan Deposit Tetap/Alliance FDGold dan bukannya suatu dokumen hak milik.
  - b) Apabila Bank telah bersetuju untuk membenarkan anda mengeluarkan suatu Deposit Tetap/Alliance FDGold tanpa penyerahan resit atau sijil Deposit Tetap/Alliance FDGold fizikal kepada Bank, resit atau sijil Deposit Tetap/Alliance FDGold fizikal yang dikeluarkan sebelum ini oleh Bank adilah disifatkan batal dan tidak sah sesudah itu dan tahanan berterusan resit atau sijil Deposit Tetap/Alliance FDGold fizikal tidak memberikan sebarang hak kepada anda.
  - c) Resit/sijil Deposit Tetap/Alliance FDGold fizikal tidak membuktikan bahawa Deposit Tetap/Alliance FDGold masih wujud, dan tidak dengan sendirinya membentuk bukti yang mencukupi untuk menafikan sebarang rekod dengan Bank yang menunjukkan bahawa Deposit Tetap/Alliance FDGold telah ditarik balik.
  - d) Rekod yang didapati dengan Bank sewaktu anda mengeluarkan Deposit Tetap/Alliance FDGold adalah muktamad, tidak dapat dipertikaikan, dan mengikat anda.
  - e) Menurut "Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Pindaan 2002)", dana/baki dalam Deposit Tetap/Alliance FD Gold akan dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut (RUM) sekiranya tarikh transaksi terakhir (termasuk tarikh arahan pembaharuan automatik) melebihi tujuh (7) tahun. Sebelum pemindahan dana/baki tersebut kepada RUM, Bank akan menghantar notis yang menasihati anda untuk memperbaharui atau mengeluarkan Deposit Tetap/Alliance FDGold untuk mengelakkan wang dipindahkan kepada RUM.
  - f) Untuk mengeluarkan akaun Deposit Tetap/Alliance FDGold yang dibuka melalui Digital Banking One System (DBOS), jumlah pokok dan faedah yang diperoleh di atasnya (jika ada), akan dikreditkan dalam Akaun Semasa atau Simpanan anda yang diselenggarakan dengan Bank.
  - g) Hanya Deposit Tetap/Alliance FDGold yang diletakkan melalui allianceonline boleh dikeluarkan melalui allianceonline.
  - h) Sebarang letakan Deposit Tetap/Alliance FDGold selain daripada melalui allianceonline tidak akan dapat ditarik balik melalui allianceonline.
- 24.2 Bagi Akaun Deposit Tetap
- a) Pengeluaran separa deposit tetap adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh Deposit Tetap.
- 24.3 Bagi Akaun Alliance FDGold
- a) Pengeluaran separa dalam gandaan RM1,000.00 dibenarkan sepanjang tempoh Deposit Tetap. Walau bagaimanapun, anda mesti mengekalkan baki minimum sebanyak RM30,000.00 di dalamnya pada setiap masa.
  - b) Pengeluaran separa deposit adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh letakan Alliance FDGold melalui allianceonline.
- 24.4 Bagi Akaun Deposit Tetap/Akaun Alliance FDGold
- a) Sekiranya deposit tetap dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka faedah belum dibayar, jika ada, akan tertakluk kepada \*kadar kontrak dan/atau dasar Bank bagi pengeluaran pramatang iaitu untuk Deposit Tetap atau Alliance FDGold. Tiada faedah yang dibayar bagi sebarang pengeluaran pramatang sebelum habis tempoh 3 bulan letakan, jika tidak pada separuh daripada kadar kontrak bagi setiap bulan (bulan-bulan) yang selesai, mana-mana yang berkenaan. Apa-apa pengeluaran pramatang Deposit Tetap dengan tempoh melebihi 12 bulan dan apa-apa pengeluaran pramatang FDGold akan menyebabkan potongan faedah yang dibayar bagi kadar kontrak untuk menggambarkan kadar penalti (jika ada) kerana faedah dibayar setiap setengah tahun dan bulan masing-masing.
  - b) Hal ini juga terpakai bagi Deposit Tetap atau Alliance FDGold yang dibuka melalui allianceonline.
- \*kadar kontrak – kadar yang digunakan bagi tempoh letakan awal Deposit Tetap atau Alliance FDGold yang dipilih untuk dan/atau pembaharuan berikutnya mengikut Terma dan Syarat yang sama.
- 24.5 Bagi Akaun Deposit Tetap/Akaun FDGold Alliance (berkuat kuasa pada 1 Januari 2018)
- a) Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, tiada faedah akan dibayar bagi pengeluaran

- pramatang/penarikan balik Deposit Tetap yang diletakkan atau diperbaharui sebelum atau dari 1 Januari 2018. Hal ini juga terpakai bagi Deposit Tetap atau Alliance FDGold yang dibuka melalui allianceonline.*
- 25. Overdraft ("OD")**
- 25.1 *Bagi Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa/Akaun AllianceSave*
- a) *Sila pastikan bahawa akaun anda tidak terlebih keluar, walaupun sementara waktu, melainkan anda telah membuat pengaturan khas terlebih dahulu dengan Bank. Untuk caj (Sila rujuk Fi & Caj penuh di laman web) yang akan dikenakan bagi setiap cek yang tidak dilunaskan kerana dana tidak mencukupi.*
- 25.2 *Pemegang (pemegang-pemegang) Akaun AllianceSave yang layak atau memenuhi syarat boleh ditawarkan kemudahan Overdraft oleh Bank boleh jadi sama ada OD bersih atau aku cagar kemudahan OD terhadap Deposit Tetap berdasarkan nisbah 1:1 atau nisbah yang akan ditentukan oleh Bank.*
- 26. Penyata Akaun**
- 26.1 *Bagi Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa/Akaun AllianceSave/ Akaun Alliance SavePlus/Akaun Alliance Hybrid/Akaun Alliance Elite*
- a) *Penyata Akaun yang menyatakan semua transaksi dalam akaun boleh didapati secara elektronik sekali sebulan melalui allianceonline bagi pengguna allianceonline, melainkan kami menerima suatu arahan sebaliknya daripada anda tanpa sebarang caj. Anda dinasihatkan untuk memeriksa catatan dalam Penyata Akaun dan mesti melaporkan kepada Bank dengan segera secara bertulis sekiranya terdapat sebarang percanggahan di dalamnya. Sekiranya tiada sebarang bantahan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Akaun, semua catatan di dalamnya disifatkan betul. Bank berhak untuk membuat pembetulan apabila dan jika perlu sekiranya Bank menemukan kesilapan.*
- 26.2 *Bagi Akaun Alliance My eSaving dan Akaun Simpanan Asas **tanpa Buku Simpanan***
- a) *Suatu Penyata Akaun yang menyatakan semua transaksi dalam akaun boleh didapati secara elektronik sekali sebulan melalui allianceonline bagi pengguna allianceonline.*
  - b) *Anda dinasihatkan untuk memeriksa catatan dalam Penyata Akaun dan mesti melaporkan kepada Bank dengan segera secara bertulis sekiranya terdapat sebarang percanggahan di dalamnya. Sekiranya tiada sebarang bantahan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Akaun, semua catatan di dalamnya disifatkan betul. Bank berhak untuk membuat pembetulan apabila dan jika perlu sekiranya Bank menemukan kesilapan.*
- 26.3 *Rekod transaksi akaun dalam tempoh sehingga 180 hari boleh dilihat dan dimuat turun dalam bentuk penyata melalui allianceonline.*
- 26.4 *Penyata bercetak boleh diminta di cawangan dengan dikenakan fi (terdapat pelepasan tertakluk kepada dasar Bank). Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan fi dan caj, sila rujuk [www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx](http://www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx)*
- 27. Debit Dana daripada Benefisiari yang Tidak Dikehendaki**
- 27.1 *Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, Bank berhak untuk mendebitkan dana daripada akaun anda setelah pertikaian disiasat dan mempunyai alasan yang kuat bahawa anda bukan penerima dana yang dimaksudkan yang telah dikreditkan dalam akaun anda.*
- 28. Cukai Pegangan**
- 28.1 *Cukai pegangan atau sebarang bentuk caj atau fi cukai, sebagaimana yang dikenakan oleh pihak berkuasa berkaitan dari semasa ke semasa, akan ditolak pada masa pembayaran faedah.*
- 29. Penutupan Akaun**
- 29.1 *Bank berhak untuk menutup akaun anda dengan menghantar notis melalui mel biasa yang*

- ditujukan kepada alamat biasa atau alamat terakhir anda atau dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank mengikut dasar-dasarnya dan tidak akan terikat untuk mendedahkan apa-apa alasannya.
- 29.2 Penghantaran notis hendaklah dibuat pada masa surat tersebut, melalui cara biasa pos, dihantar atau komunikasi disampaikan. Apabila anda menutup akaun atau oleh Bank, semua cek yang tidak digunakan (jika berkenaan) akan menjadi hak milik Bank dan hendaklah dikembalikan kepada Bank.
- 30. Akaun Dorman**
- 30.1 Sekiranya tiada transaksi yang dijalankan pada Akaun dalam tempoh yang dinyatakan mengikut dasar-dasar Bank, kami boleh mempertimbangkan Akaun Dorman dan boleh mengenakan suatu caj atau fi pada Akaun dan menutup Akaun dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda.
- 30.2 Selepas notis disampaikan seperti yang dinyatakan dalam fasal 30.1, sekiranya baki akaun kurang daripada RM10.00, baki tersebut akan diserap sebagai fi perkhidmatan dan selepas itu Bank akan meneruskan untuk menutup akaun di atas sebarang rujukan lanjut kepada anda; atau
- 30.3 Jika baki akaun anda melebihi RM10.00, fi Perkhidmatan Dorman sebanyak RM10.00 akan dikenakan setiap tahun tanpa sebarang rujukan lanjut kepada anda sehingga tahun ketujuh (7). Sekiranya terdapat lebihan baki pada tahun ke-7, selepas pemberian notis 21 hari kalender dan akaun masih tidak aktif, baki tersebut akan dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. Walau bagaimanapun, sekiranya baki pada bila-bila masa sebelum tahun ke-7 kurang daripada RM10.00, fasal 30.1 di atas akan berkuat kuasa.
- 30.4 Bagi Akaun Alliance My eSaving
- a) Apabila anda mengeluarkan keseluruhan baki akaun anda, atau sekiranya pada bila-bila masa baki dalam akaun anda adalah sebanyak RM0.00 dan akaun sudah tidak aktif selama enam puluh (60) hari, kemudian apabila notis diberikan, akaun anda akan ditutup secara automatik. Amaun lebihan akan dianggap sebagai caj perkhidmatan atau diuruskan mengikut dasar-dasar Bank.
- 30.5 Bagi Akaun Alliance Buddy™
- a) Apabila anda mengeluarkan keseluruhan baki akaun anda, atau jika pada bila-bila masa baki dalam akaun anda terdapat RM50.00 atau kurang dan akaun tersebut tidak aktif selama satu (1) tahun, maka, apabila notis diberikan, akaun anda akan ditutup secara automatik. Baki amaun akan dianggap sebagai caj perkhidmatan atau diuruskan mengikut dasar-dasar Bank.
- 31. Pungutan Instrumen Boleh Runding.**
- 31.1 Bagi Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan/Akaun Alliance Buddy™/Akaun AllianceSave Pendidikan/Akaun Alliance Senior Savers
- (a) Hasil daripada semua bil, wang kertas, cek, dan instrumen lain yang dihantar kepada Bank untuk dipungut tidak boleh dikeluarkan sehingga dilepaskan walau apa pun apa-apa catatan yang tertera di dalam buku simpanan oleh Bank. Sekiranya mana-mana item pungutan tak laku atau sekiranya berlaku sebarang pertikaian dan tuntutan buruk yang tercetus daripada pungutan tersebut, anda akan bertanggungan secara peribadi dalam penyelesaiannya. Sekiranya item kutipan dikembalikan kepada Bank belum berbayar, Bank berhak untuk mendebit item tersebut daripada akaun anda.
- 32. Dasar Komunikasi, Notis, dan Amaran**
- 32.1 Alliance Bank boleh menghantar penyata, notis, amaran dan bentuk-bentuk komunikasi lain kepada anda, sama ada ke alamat surat-menyerat anda atau melalui media elektronik seperti e-mel atau SMS kepada maklumat perhubungan anda mengikut rekod terkini Bank atau dengan cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 33. Telekomunikasi**

- 33.1 Tertakluk kepada pengesahan wajar, Bank boleh percaya dan bertindak terhadap apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diterima daripada orang (orang-orang) yang diberi kuasa dalam apa-apa cara yang boleh diterima oleh Bank termasuk tetapi namun terhad, melalui telefon, dalam talian, atau faksimili. Bank tidak akan bertanggungan terhadap anda dalam apa jua cara kerana bertindak dengan penuh percaya setelah menerima arahan sedemikian walau apa pun kemudiannya ditunjukkan bahawa perkara yang sama tidak anda beri atau untuk apa-apa salah faham atau apa-apa kesilapan, kehilangan, kelewatan, atau kerosakan yang dialami akibat Bank bertindak terhadap atau menyetujui apa-apa arahan atau permintaan sedemikian.
- 34. Notis Perubahan Alamat dan Tandatangan**
- 34.1 Semua penyata, surat-menjurat, dan komunikasi termasuk perkhidmatan sebarang dokumen undang-undang yang dihantar melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir anda yang diketahui, e-mel, telefon, faks, atau bentuk-bentuk perhubungan lain seperti rekod Bank adalah disifatkan telah dibuat pada tarikh yang ditetapkan di dalam notis dan/atau tarikh penghantaran. Sebarang perubahan alamat, e-mel, telefon, faks, atau apa-apa bentuk perhubungan lain mesti dibuat secara bertulis dan anda tandatangani mengikut Spesimen Tandatangan yang dibuat dengan Bank dan memaklumkan Bank dengan segera secara bertulis. Perubahan tersebut juga boleh dibuat melalui allianceonline atau melalui Pusat Perhubungan Bank.
- 34.2 Sila gunakan tandatangan yang sama pada semua cek, dokumen, dan surat-menjurat dengan Bank seperti yang terdapat pada Kad Spesimen yang dibuat dengan kami sewaktu anda membuka akaun. Sekiranya anda ingin menukar tandatangan anda, sila hubungi Bank untuk menguruskan hal tersebut.
- 35. Akta Wang Tak Dituntut 1965**
- 35.1 Anda dinasihatkan untuk memastikan akaun anda aktif kerana hal ini merupakan syarat di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 bahawa sebarang wang kepada kredit akaun yang tidak aktif dalam tempoh tujuh (7) tahun mesti diwartakan sebagai "Wang Tak Dituntut", dan dua belas (12) bulan selepas itu akan dihantar ke Akaun Amanah Disatukan yang diselenggarakan oleh Kerajaan.
- 36. Caj Perbankan**
- 36.1 Bank berhak untuk mengenakan suatu fi bagi apa-apa perkhidmatan yang diberikan kepada anda pada kadar seperti yang dimaklumkan oleh Bank sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum perubahan dibuat. Semua caj perbankan apabila cukup tempoh, akan didebitkan daripada akaun anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan fi dan caj, sila rujuk [www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx](http://www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx)
- 37. Pencukaian**
- 37.1 Melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam ini, fi & caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang (jika ada) sebagaimana yang dikenakan di bawah undang-undang yang berkaitan. Selepas tarikh kuat kuasa pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana-mana sahaja yang berkenaan, Bank adalah berhak untuk mendapatkan semula cukai tersebut daripada anda.
- 38. Hak untuk Tolak Selesai**
- 38.1 Bank, sebagai tambahan mana-mana lien umum atau hak serupa lain yang Bank berhak mengikuti undang-undang, boleh pada bila-bila masa, dengan notis, menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun perbankan dengan liabiliti anda kepada Bank dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah atau jumlah-jumlah yang terhutang, dalam bentuk kredit mana-mana atau semua akaun perbankan dalam atau ke arah penyelesaian apa-apa liabiliti anda kepada Bank sama ada liabiliti kepada Bank tersebut adalah utama atau bercagar atau bersama dan berasingan.
- 39. Liabiliti untuk Kerugian**

- 39.1 Anda tidak akan bertanggungan kepada Bank dalam apa jua cara bagi sebarang kerugian yang ditanggung oleh pengendalian mana-mana akaun yang anda buka dengan Bank melainkan kerugian tersebut dikaitkan secara langsung dengan kecuaian yang disengajakan oleh Bank.
- 40. *Tanggung Rugi***  
 40.1 Anda dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan Bank menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa daripada dan terhadap semua tuntutan, tindakan, prosiding, permintaan, kerugian, kerosakan, kos, caj, dan perbelanjaan termasuk fi peguam cara (atas dasar "pelanggan dan peguam cara") sebagaimana yang dialami, diterima, dan/atau ditanggung oleh Bank berkaitan dengan atau berpunca daripada Bank yang bersetuju dengan penentusahan dan pengesahan wajar atas permintaan tersebut dan membenarkan anda untuk mengekalkan dan/atau mengakses kemudahan/perkhidmatan yang dipohon.
- 41. *Pengubahsuaihan dan Pindaan Terma dan Syarat***  
 41.1 Bank berhak untuk menambah, mengubah dan/atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa mengikut dasar-dasarnya dan penambahan, variasi, dan pengubahsuaihan tersebut akan disiarkan dari semasa ke semasa dengan notis awal dalam Bank dan/atau diiklankan di dalam akhbar dan laman web.  
 41.2 Pengendalian berterusan atau tidak menutup akaun atau penggunaan perkhidmatan oleh pendeposit/pemegang akaun selepas tarikh kuat kuasa perubahan Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini adalah menjadi penerimaan perubahan sedemikian oleh pendeposit/pemegang (pemegang-pemegang) akaun.
- 42. *Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)***  
 42.1 Semua deposit Konvensional dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap institusi kewangan.  
 42.2 Akaun bersama yang dipegang oleh pemilik yang berbeza akan menikmati had perlindungan yang berasingan. Walau bagaimanapun, sekiranya pendeposit memiliki beberapa akaun bersama dengan pemilik bersama yang serupa, deposit ini akan dikumpulkan dan diinsuranskan sehingga RM250,000 bagi setiap institusi kewangan.
- 43. *Pendedahan Maklumat***  
 43.1 Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank serta pegawai dan kakitangannya mendedahkan dan memberikan segala maklumat berkenaan butiran dan hal ehwal pelanggan (kewangan atau sebaliknya), perincian akaun, hubungan dengan Bank, terma perjanjian dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada individu dalam kategori berikut menurut cara dan setakat mana yang dianggap perlu oleh Bank:  
 a) Syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat sekutu Bank (Bank serta syarikat-syarikat yang Muka Surat 10 Terma dan Syarat Deposit Perniagaan Konvensional (Jun 2023) berkaitan/seku tu tersebut secara kolektifnya dirujuk sebagai "Kumpulan Alliance Bank") serta pemegang serah hak dan pengganti hak milik syarikat tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan Alliance Bank adalah untuk memudahkan perniagaan dan operasi Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank.  
 b) Mana-mana individu untuk atau berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding undang-undang yang dilaksanakan untuk mendapatkan kembali wang yang telah genap masa dan perlu dibayar oleh pelanggan kepada Bank;  
 c) Badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, penguasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan di luar Malaysia termasuklah yang merujuk kepada Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) Amerika Syarikat dan Standard Pelaporan Bersama (CRS);  
 d) Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (sekiranya berkenaan) dan mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang

diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi seumpamanya yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia/Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia;

- e) Central Credit Reference Information System (CCRIS), biro kredit, agensi pelaporan kredit dan syarikat yang ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit yang diberi kuasa atau berlesen di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
- f) Juruakaun, juruaudit, peguam, penasihat, perunding dan/atau lain-lain ejen Bank sebagaimana yang perlu untuk pelaksanaan fungsi, tanggungjawab dan obligasi mereka dengan sewajarnya terhadap Bank dan Kumpulan Alliance Bank
- g) Penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat yang berkaitan atau bersekutu untuk melaksanakan fungsi dan kegiatan Bank
- h) Pihak luar sebagaimana yang diperlukan untuk sebarang kegiatan pelaksanaan korporat/usaha wajar yang dibuat oleh Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;
- i) Mana-mana pihak yang mungkin akan menyatakan keinginan untuk memperoleh kepentingan/pegangan saham di Bank/menurut sebarang cadangan pengaturan, pengubahan, penggabungan, pengambilalihan /penstrukturran semula di antara Bank dan pihak tersebut; dan
- j) Mana-mana individu atau entiti yang telah mendapat persetujuan pelanggan terlebih dahulu. Pelanggan dengan ini memberi persetujuan bagi pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Bank, Kumpulan Alliance Bank, pegawai dan kakitangannya tidak akan dipertanggungjawabkan atas pemberian maklumat tersebut atau atas sebarang akibat yang timbul daripada pergantungan terhadap maklumat yang diberikan tersebut menurut terma yang terkandung di sini.

#### **44. Penggantungan/Pembekuan Akaun**

- 44.1 Bank berhak pada bila-bila masa untuk menggantung dan/atau membekukan operasi dan/atau menamatkan satu atau lebih akaun, kemudahan, dan/atau perkhidmatan anda yang diselenggarakan dengan dan/atau dipohon untuk Bank mengikut dasar-dasarnya.

#### **45. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)**

- 45.1 Syarat-syarat di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat yang menentukan hubungan anda dengan Bank dan akan mengikat anda sepenuhnya.

##### **Takrifan**

Istilah orang AS atau orang Amerika Syarikat bererti seseorang yang diperihalkan di dalam seksyen 7701(a)(30) Lembaga Hasil Dalam Negeri:

- (a) seorang warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat,
- (b) suatu perkongsian Amerika Syarikat,
- (c) sebuah syarikat Amerika Syarikat,
- (d) mana-mana harta (selain daripada harta yang pendapatannya, daripada sumber selain dari Amerika Syarikat yang pada hakikatnya tidak berkaitan dengan pelaksanaan suatu perdagangan atau perniagaan di Amerika Syarikat, tidak termasuk dalam pendapatan kasar di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri), dan
- (e) Sebarang amanah jika
  - i. Suatu mahkamah di Amerika Syarikat dapat menguatkusakan pengawasan utama terhadap pentadbiran amanah tersebut.
  - ii. Satu atau lebih rakyat Amerika Syarikat mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan besar amanah

#### **46. Standard Pelaporan Umum (CRS)**

- 46.1 Syarat-syarat di bawah Standard Pelaporan Umum (CRS) membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat yang menentukan hubungan anda dengan Bank dan akan mengikat anda

sepenuhnya.

#### Takrifan

*Takrifan di bawah dipetik daripada Seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967.*

*Seseorang individu yang berada di Malaysia pada tahun tersebut bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang secara keseluruhan selama seratus lapan puluh dua (182) hari atau lebih.*

- (a) *Individu berada di Malaysia pada tahun asas tersebut bagi suatu tempoh kurang daripada seratus lapan puluh dua (182) hari dan tempoh tersebut dikaitkan terutamanya dengan tempoh satu tahun asas lain bagi tahun taksiran sejurus sebelum tahun taksiran tertentu atau dalam tahun asas tersebut bagi tahun tertentu untuk tahun taksiran selepas tahun taksiran tersebut:*
  - Dengan syarat bahawa sebarang ketakhadiran sementara dari Malaysia: -*
    - i. *Berhubung dengan perkhidmatannya di Malaysia dan disebabkan oleh perkara perkhidmatan atau menghadiri persidangan atau seminar atau pengajian di luar negara.*
    - ii. *Disebabkan oleh keadaan tidak sihat melibatkan dirinya atau ahli keluarga rapat; dan*
    - iii. *Berhubung dengan lawatan sosial tidak melebihi empat belas (14) hari secara terkumpul*  
*Hendaklah diambil untuk menjadi sebahagian tempoh daripada tempoh tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, sekiranya seseorang individu berada di Malaysia dengan serta-merta sebelum dan selepas ketakhadiran sementara itu.*
- (b) *Seseorang individu berada di Malaysia pada tahun asas bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang secara keseluruhan selama sembilan puluh (90) hari atau lebih, berhubung dengan setiap daripada tiga tahun asas bagi empat (4) tahun taksiran sejurus sebelum tahun taksiran tersebut sama ada:*
  - i. *Pemastautin di Malaysia dalam erti kata Akta ini bagi tahun yang dirujuk; atau*
  - ii. *Di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh sehingga sembilan puluh hari atau lebih pada tahun asas yang dirujuk.*

*Seseorang individu merupakan pemastautin di Malaysia dalam erti kata Akta ini untuk tahun asas bagi tahun taksiran selepas tahun taksiran tertentu, setelah menjadi pemastautin pada setiap tahun asas bagi tiga tahun taksiran sejurus sebelum tahun taksiran tertentu.*

#### ***Anda mengizinkan dan membenarkan/bersetuju;***

- i) *Alliance Bank Malaysia Berhad, atau mana-mana gabungannya, termasuk cawangan (secara kolektif "Bank") untuk melaporkan maklumat anda kepada pihak berkuasa tempatan atau luar negeri dan/atau pihak berkuasa percukaian (jika perlu) mengikut syarat-syarat Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing AS seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian, atau garis panduan atau arahan kawal selia yang berkenaan.*
- ii) *Bahawa Bank boleh menyekat akaun saya daripada apa-apa amaun seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa pengawalseliaan tempatan atau luar negeri dan/atau pihak berkuasa percukaian mengikut syarat-syarat Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing AS sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan atau arahan yang berkenaan.*

*Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat yang diberikan kepada Bank yang menjadikan saya orang AS atau pendegil (orang yang gagal mematuhi permintaan maklumat yang munasabah untuk menentukan sama ada akaun ini milik orang AS), Bank mempunyai hak untuk menamatkan, menggantung, membatalkan dan/atau menarik balik akaun (akaun-akaun) anda dan/atau kemudahan yang diberikan kepada anda.*

- 47. Antisogokan dan Rasuah**
- 47.1 Bank telah memperkenalkan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirancang untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau pekerja; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan antisogokan atau antirasuah yang berkenaan dengan Bank. Bank tidak, dan berwaad bahawa Bank tidak akan, berhubung dengan perjalanan aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan, atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk melanjutkan apa-apa pembayaran, sumbangan, hadiah, bayaran balik, atau pemindahan apa-apa yang bernilai lain, atau apa-apa pengumpunan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
- 47.2 Menurut kuasa permohonan bagi produk ini, Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan telah dimaklumkan akan ringkasan dasar antisogokan dan rasuah Bank yang boleh didapati di [www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx](http://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx) dan seterusnya berwaad/beraku janji bahawa Pelanggan tidak akan terlibat dalam amalan rasuah sedemikian dengan apa jua cara sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja Bank.
- 48. Terma dan Syarat Insurans Hayat Bertempoh Kumpulan (bagi Akaun Alliance Buddy™ sahaja)**
- 48.1 Berkuat kuasa pada 1 Ogos 2020, Bank tidak lagi menawarkan Insurans Hayat Bertempoh Kumpulan bagi Akaun Alliance Buddy™.
- 49. Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dan Scam Perbankan**
- 49.1 Bank, boleh dari semasa ke semasa, menyediakan kemas kini atau kandungan terkini untuk mendidik pelanggan dan mewujudkan kesedaran yang membantu mencegah atau mengurangkan risiko penipuan dan scam. Hal ini sebagaimana yang termasuk namun tidak terhad kepada petua keselamatan, kemas kini perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan keperluan peraturan daripada mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan.
- 49.2 Segala instrumen perbankan pelanggan, misalnya buku cek/helaian cek, token sekuriti, kad debit, PIN perbankan telefon, tauliah log masuk (login credential) perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) hendaklah berada dalam jagaan selamat. Pelanggan hendaklah memaklumkan Bank dengan serta-merta apabila Pelanggan mendapati terdapat kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran atau kebenaran wajar mana-mana perkara di atas. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang disebabkan oleh transaksi (transaksi-transaksi) yang tidak dibenarkan yang berlaku selepas Pelanggan memaklumkan Bank mengikut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pelanggan yang dinyatakan di atas telah hilang, disalah guna, dicuri, terjejas, atau diceroboh.
- 49.3 Sekiranya apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan disebabkan oleh kecualian Bank yang disengajakan semata-mata, liabiliti tunggal dan keseluruhan Bank (sama ada berhubung dengan satu atau lebih tuntutan) kepada Pelanggan dalam kontrak atau tort tidak akan melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau tuntutan-tuntutan atau kerosakan langsung yang diterima, mana-mana yang lebih rendah. Dalam apa jua keadaan Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian perniagaan, kehilangan keuntungan, perolehan atau muhibah, kehilangan data, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pengeluaran, pemberian, penalti, prosiding, dan kos tidak langsung, berbangkit, khusus atau sampingan tanpa mengira terdapat kemungkinan kerugian atau kerosakan tersebut telah didebakkan kepada, atau boleh diramalkan dengan sewajarnya oleh Bank.
- 49.4 Setelah dimaklumkan oleh Pelanggan akan kejadian sedemikian, Bank akan menjalankan siasatan dan Pelanggan dikehendaki untuk memberikan maklumat dan kerjasama yang

*mencukupi bagi memudahkan siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk melaksanakan langkah-langkah berikut sekiranya dikesan (dengan/tanpa keizinan terlebih dahulu daripada pelanggan) untuk mencegah atau mengurangkan kerugian kewangan tambahan sewaktu Bank sedang menjalankan penyiasatan:*

- a) Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;
  - b) Membatalkan atau menetapkan semula akses perbankan internet atau mudah alih pelanggan; dan/atau
  - c) Membatalkan kesahan instrumen perbankan;
- dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah perkara di atas telah dikendalikan.*

**50. Pertikaian**

- 50.1 *Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan perkhidmatan, anda boleh ajukan melalui [info@alliancecfg.com](mailto:info@alliancecfg.com)*
- 50.2 *Sekiranya pertanyaan atau aduan pelanggan tidak diselesaikan dengan sewajarnya oleh Bank, Pelanggan boleh menghubungi Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) di:*

*Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,  
No.4, Jalan Sultan Sulaiman,  
50000 Kuala Lumpur.*

*Talian: 03-2272 2811*

*Laman web: [www.fmoss.org.my](http://www.fmoss.org.my)*

**51. Cara untuk hubungi kami**

- 51.1 *Untuk mendapatkan bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-5516 9988 atau anda boleh kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.*

**52. Fi dan Caj**

- 52.1 *Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan fi dan caj, sila rujuk [www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx](http://www.alliancebank.com.my/general/fees-and-charges.aspx)*